

Pendekatan Sosio Emosi Guru dalam PdP bagi Membantu Murid GALUS B40 Tahun 6

(Teachers' Socio -Emotional Approach in PdP to Help Year 6 B40 GALUS Students)

Seligie Lajan Anak Manggie^{1*}, Ruhizan M. Yasin²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: seligie23lajan@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: ruhizan@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):

Seligie Lajan Anak Manggie
(seligie23lajan@gmail.com)

KATA KUNCI:

Sosio Emosi
Murid GALUS
PdP murid GALUS
Murid B40

KEYWORDS:

socio -emotional
GALUS students
PdP for GALUS students
B40 students

CITATION:

Seligie Lajan Anak Manggie & Ruhizan M. Yasin. (2022). Pendekatan Sosio Emosi Guru dalam PdP bagi Membantu Murid GALUS B40 tahun 6. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(4), e001424.
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1424>

ABSTRAK

Pendekatan sosio emosi merupakan elemen yang perlu dilaksanakan dalam proses (PdP) pengajaran dan pembelajaran dan amat perlu bagi membimbing pengurusan emosi serta membentuk tingkah laku positif murid-murid. Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan guru berkenaan dengan pendekatan sosio emosi dalam PdP di sekolah bagi membimbing murid Gagal Lulus (GALUS). Objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti korelasi antara kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dengan jangkaan impak kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Kajian ini dilaksanakan di semua sekolah rendah daerah Julau dan melibatkan seramai 205 orang responden yang terdiri daripada guru-guru. Analisis peratusan, nilai min, sisihan piawai dan nilai 'r' korelasi Pearson telah dijalankan untuk menjawab objektif kajian menggunakan Perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 25.0. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman guru berkenaan dengan pendekatan sosio emosi adalah pada tahap tinggi (M=3.99, SP=0.72). Tahap amalan pendekatan sosio emosi semasa PdP guru juga pada tahap tinggi (M=3.89, SP=0.65). Hasil ujian kolerasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan signifikan positif ($r=0.85$, $p=0.00$) pemboleh ubah tahap kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dan jangkaan impak kepada murid GALUS. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini dapat digunakan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan guru-guru untuk memfokuskan pendekatan sosio emosi dalam PdP serta membantu murid-murid untuk menguruskan emosi bagi menghadapi suasana pembelajaran. Bahkan, kajian ini diharapkan memberi kesedaran kepada semua pendidik agar melaksanakan pendekatan sosio emosi bagi membantu murid yang mempunyai prestasi akademik yang tidak konsisten.

ABSTRACT

Socio-emotional approach is an element that needs to be implemented in the (PdP) teaching and learning process and is very necessary to guide emotional management and shape positive behavior of students. This study was conducted to identify the level of understanding and practice of teachers regarding the socio-emotional approach in PdP in schools to guide inconsistency in academic (GALUS) students. The objective of this study was also to identify the correlation between the understanding and practice of teachers' socio-emotional approach in PdP with the expected impact on GALUS year 6 students in Julau district schools. The study was conducted in all primary schools in Julau district and involved a total of 205 respondents consisting of teachers. Percentage analysis, mean value, standard deviation and Pearson correlation 'r' value were conducted to answer the objectives of the study using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 25.0. The findings showed that the level of teachers' understanding of the socio-emotional approach was at a high level ($M = 3.99$, $SP = 0.72$). The level of practice of the socio-emotional approach during teachers' PdP also showed a high level ($M = 3.89$, $SP = 0.65$). Pearson correlation test also showed that there was a significant positive relationship ($r = 0.85$, $p = 0.00$) on the variables of the level of understanding and practice of teachers' socio-emotional approach in PdP on the expected impact on GALUS students. Therefore, the findings of this study can be used to improve the skills and competencies of teachers to focus on socio-emotional approaches in PdP as well as help students to manage emotions to cope with the learning environment. In fact, this study is expected to give awareness to all educators to implement a socio-emotional approach to help students with inconsistent academic performance.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini dapat menyediakan maklumat mengenai tahap pelaksanaan amalan dan jangkauan kepada murid berdasarkan pendekatan sosiologi emosi dalam bilik darjah untuk membantu murid-murid GALUS B40. Hasil kajian ini akan membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pihak pentadbir dan guru-guru untuk meningkatkan kefahaman serta aplikasi pendekatan sosial emosi dalam PdP bagi memberikan bimbingan kepada murid GALUS B40.

1. Pengenalan

Sosio emosi dalam bidang pendidikan merupakan komponen yang menekankan aspek kecerdasan emosi serta kemahiran sosial yang matang dalam setiap murid. Penekanan komponen ini adalah bagi menyediakan modal insan yang dapat menghadapi kehidupan pada masa akan datang. Individu yang memiliki kemahiran sosial dan emosi akan mampu untuk mengawal serta mengenali perasaan diri sendiri apabila berhadapan dengan situasi yang mencabar. [Maleki et al. \(2018\)](#) menyatakan kecerdasan emosi adalah merujuk kepada perasaan empati dan keupayaan untuk mengenali dan memahami perasaan orang di sekeliling. Kecerdasan ini juga merujuk kepada kemahiran sosial yang membolehkan seseorang individu untuk menyesuaikan diri dengan orang lain. Bahkan, kemahiran sosial yang baik akan mampu untuk menjalinkan

perhubungan interpersonal serta dapat memimpin dengan berkesan (Mohammad & Mohamed, 2020; Sari, 2017).

Mohammad dan Mohamed (2020) menyatakan bahawa tahap kecerdasan sosio emosi yang rendah mempengaruhi masalah pembelajaran formal. Namun begitu, terdapat murid yang mempunyai kecerdasan sosio emosi yang baik dalam alam persekolahan tetapi tidak berjaya dalam bidang pekerjaan dan terdapat murid yang mempunyai tahap sosio emosi yang sederhana tetapi berjaya dalam pekerjaan. Ramai juga berpendapat bahawa individu yang mempunyai kecerdasan intelektual yang baik maka individu tersebut memiliki peluang untuk berjaya berbanding dengan orang lain. Namun, kecerdasan intelektual yang baik tidak akan menjamin seseorang individu berjaya dalam hidup. Maka, kecerdasan sosio emosi perlu dikembangkan melalui proses PdP agar dapat mengikuti proses pembelajaran dengan baik. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Mensih et al. (2021) serta Hasbullah et al. (2020) bahawa kecerdasan sosio emosi yang baik memiliki personaliti positif, keadaan fizikal dan psikologikal akan mampu memajukan diri dalam bidang akademik.

Mohamad Amin et al. (2019) menyatakan ciri-ciri murid yang mempunyai masalah sosio emosi adalah seperti kerap tidak hadir ke sekolah dan tidak melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah. Nordin dan Selamat (2018) juga menyatakan bahawa masalah sosio emosi dalam kalangan murid akan menimbulkan masalah disiplin. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan oleh tahap kecerdasan sosio emosi yang rendah serta kegagalan untuk menguruskan sosio emosi selari dengan perkembangan kognitif murid. Guru-guru pula mengabaikan pendekatan sosio emosi dalam PdP dan hanya bergantung kepada kaunselor sekolah untuk menangani sosio emosi serta tingkah laku murid. Situasi ini telah mengubah persepsi murid-murid bahawa guru-guru tidak mepedulikan mereka seterusnya menyebabkan murid tidak berasa tenang. Mohammad dan Mohamed (2020) menyatakan pendekatan sosio emosi dalam PdP adalah amat perlu selaras dengan keperluan murid. Pendekatan sosio emosi akan mempengaruhi pencapaian cemerlang akademik dan membentuk nilai kemanusiaan dalam diri murid.

Permasalahan yang wujud dalam pencapaian akademik rendah di peringkat sekolah rendah menimbulkan keraguan terhadap keberkesanan proses pembelajaran yang seringkali ditambah baik bagi membantu golongan murid berprestasi rendah (Banu & Amir, 2020). Elemen emosi dan perasaan murid-murid perlu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran. Kegagalan menangani elemen ini akan memberi kesan yang negatif terhadap proses pembelajaran murid berkenaan. Mohammad dan Mohamed (2020) yang menyatakan kegagalan seseorang individu di dalam bidang akademik yang lain berpunca daripada pengurusan yang kurang baik dalam perkembangan emosi. Pembelajaran pada masa kini menuntut murid-murid untuk melengkapkan diri dengan kecerdasan emosi bagi dapat menyeimbangkan emosi semasa menghadapi proses pembelajaran yang lebih mencabar (Mohammad & Mohamed, 2020).

Antara kekangan penyampaian pembelajaran sosio emosi dan *love pedagogy* guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas adalah kekurangan pengetahuan (Mohamed, 2021). Keadaan ini adalah disebabkan matlamat pihak sekolah yang lebih menekankan kepada pencapaian akademik yang cemerlang berbanding dengan pendekatan pembelajaran sosio emosi. Menurut Mohammad dan Mohamed (2020) menyatakan pembelajaran yang menekankan sosio emosi telah diaplikasikan namun demikian guru-guru memerlukan panduan pelaksanaan berkenaan dengan pendekatan

pembelajaran sosio emosi. Pengajaran dan pembelajaran akan berkesan sekiranya panduan atau modul pelaksanaan pendekatan sosio emosi disediakan merangkumi aktiviti yang sesuai mengikut mata pelajaran. Maka, keadaan ini akan sentiasa membolehkan guru bersiap sedia untuk mengaplikasikan pendekatan sosio emosi dalam pengajaran.

Beberapa negara telah melancarkan beberapa inisiatif untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran yang menekankan sosio emosi dalam pembelajaran. Antaranya adalah negara Australia yang melaksanakan kurikulum "*Kids Matter Primary*" di sekolah. Inisiatif ini adalah usaha antara sektor kesihatan mental, pendidikan sekolah rendah dan pendidikan dan penjagaan awal kanak-kanak. "*Kids Matter Primary*" merupakan kerangka kepada setiap sekolah untuk menekankan kesihatan mental serta kesejahteraan. "*Kids Matter Primary*" menyokong program pembelajaran sosial dan emosi untuk murid-murid di sekolah bukan saja mewujudkan emosi yang positif bahkan untuk meningkatkan pencapaian akademik murid-murid (O'Reilly et al., 2018).

Di UK, program Aspek Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEAL) dikembangkan secara keseluruhan sebagai kerangka sekolah untuk menyokong pengembangan kemahiran sosial dan emosi kanak-kanak dan orang dewasa. Sumber-sumber ini merangkumi elemen kurikulum yang dirancang untuk menyokong kerja secara menyeluruh dan berfokus kepada sekolah termasuk sumber yang berkaitan dengan pembangunan staf, organisasi sekolah, pengurusan dan kepemimpinan, dan etika sekolah (Allbright & Hough, 2020; Goldberg et al., 2019). Program SEAL adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sosial dan emosi melalui arahan eksplisit dalam konteks persekitaran pembelajaran yang selamat, penyayang, terurus dan penglibatan aktif (Turner et al., 2020).

Pendekatan pembelajaran awal emosi, kognitif dan sosial merupakan pendekatan yang unik untuk mendukung perkembangan kompetensi emosi dan pengurusan diri kanak-kanak. Pembelajaran awal sosial kognitif dan emosi (ECSEL) adalah satu pendekatan yang dinilai berasaskan bukti, perkembangan kanak-kanak, pendidikan dan penyelidikan bidang *neuroscience*, serta proses pembelajaran kanak-kanak untuk meningkatkan kecekapan emosi dan kawalan sendiri (Housman et al., 2018). ECSEL merupakan satu model intervensi dan pencegahan sosial, kognitif dan emosi yang digunakan dalam asas teori sains otak dan perkembangan kanak-kanak

"*Love Pedagogy*" merupakan satu pendekatan dalam pendidikan yang berkaitan dengan pengurusan sosio emosi murid-murid di dalam dan di luar bilik darjah. Pendekatan ini memerlukan guru mempunyai ruang dan peluang untuk berinteraksi dengan murid-murid di dalam pengajaran dan pembelajaran untuk memastikan kesejahteraan mereka. Pembelajaran bermula daripada sifat kasih sayang antara guru dan murid-murid untuk mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang harmoni dan selamat. Namun demikian, pendekatan *love pedagogy* bukan hanya pendekatan yang hanya mementingkan hubungan yang positif semata-mata dalam pengajaran dan pembelajaran (Abd Majid et al., 2018). Malah, pendekatan ini juga mengutamakan pencapaian cemerlang murid-murid melalui pendekatan yang menggunakan sifat kasih sayang dalam pembelajaran.

Keadaan pencapaian akademik yang tidak konsisten adalah disebabkan faktor ekonomi keluarga atau keluarga yang berada dalam golongan B40. Kenyataan ini disokong oleh Ibrahim et al. (2021) yang menyatakan murid-murid dari golongan B40 mempunyai

motivasi yang rendah dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, terdapat murid-murid yang mempunyai cita-cita dan impian yang tinggi untuk berjaya namun demikian atas faktor halangan situasi dan keperluan yang serba kekurangan membataskan murid-murid ini untuk berjaya. [Buja et al. \(2020\)](#) turut menyatakan keluarga golongan B40 ini lebih mengutamakan perbelanjaan untuk keperluan asas berbanding dengan keperluan untuk pendidikan anak-anak. Situasi ini telah menyebabkan keperluan murid-murid untuk menyediakan diri dalam pembelajaran adalah terbatas sehingga menyebabkan murid-murid berasa tidak yakin dan sentiasa mengasingkan diri daripada rakan yang lain kerana berasa malu tidak mempunyai keperluan sekolah yang lengkap.

Murid-murid memerlukan sokongan dan motivasi yang kuat daripada persekitaran pembelajaran. Ibu bapa yang merupakan individu yang paling dekat dan individu yang menyediakan keperluan pembelajaran yang lengkap. Situasi ini menjadi halangan kepada golongan B40 untuk menyediakan keperluan sama ada dari aspek pemakanan, pakaian dan peralatan yang digunakan untuk persekolahan ([Termize et al., 2021](#)). Hal ini menyebabkan emosi dan tingkah laku murid terjejas akibat daripada kehendak yang tidak dapat dipenuhi dan terpaksa mendapatkan pendidikan dalam keadaan yang tidak lengkap ([Zakari et al., 2022](#)). Murid-murid akan sentiasa berasa resah dan tidak tenang untuk mengikuti pembelajaran dan ada murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran sewaktu Pengajaran dan Pembelajaran dari Rumah (PdPr) kerana tidak menyediakan peralatan teknologi dan tiada talian akses kepada internet ([Che Azizan & Mohamad Nasri, 2020](#)).

Berdasarkan perbincangan, disimpulkan bahawa pendekatan sosio emosi dalam PdP adalah amat penting agar murid cemerlang dalam bidang akademik. Dengan itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman dan amalan pendekatan sosial emosi guru dalam PdP untuk membimbing murid GALUS B40 tahun 6 di sekolah daerah Julau. Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti korelasi antara kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dengan jangkauan impak kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau.

2. Metod Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan menggunakan pelantar "google form". Soal selidik dalam bentuk "google form" ini diedarkan melalui atas talian kepada sekolah-sekolah. Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah rendah di daerah Julau. Terdapat 34 buah sekolah rendah yang terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada 33 buah sekolah kebangsaan dan sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina. Bilangan guru di daerah ini dianggarkan seramai 440 orang. Murid-murid di sekolah daerah ini dianggarkan seramai 3125 orang yang terdiri daripada kaum Iban, Cina dan Melayu. Populasi kajian adalah terdiri daripada guru-guru di sekolah rendah di daerah Julau iaitu seramai 440 orang. Responden kajian dipilih secara rawak untuk memberi peluang kepada guru-guru di sekolah rendah untuk terlibat dalam kajian ini. Kaedah secara rawak ini juga dipilih adalah bertujuan agar guru-guru yang pernah mengajar tahun 6 dapat turut serta dalam kajian ini.

Borang soal selidik dalam bentuk "google form" disediakan dalam bentuk tertutup dan terdapat empat bahagian iaitu (Bahagian A, B, C dan D). Dalam bahagian A, guru-guru perlu mengisi maklumat seperti jantina, umur, jawatan, tempoh pengalaman mengajar, jawatan, tahap pendidikan. Pada bahagian B pula adalah berkenaan dengan tahap

kefahaman guru berkenaan dengan pendekatan sosio emosi dalam PdP bagi membimbing murid-murid GALUS dalam akademik. Item instrumen pada bahagian B adalah diadaptasi daripada kajian [Mohammad dan Mohamed \(2020\)](#) serta [Mohamed \(2021\)](#). Bahagian C adalah berkenaan dengan tahap amalan pendekatan sosial emosi guru dalam PdP bagi membimbing murid GALUS di sekolah daerah Julau. Item instrumen pada bahagian C adalah diadaptasi daripada kajian [Mohamed \(2021\)](#). Bahagian D pula, item soal selidik adalah berkaitan dengan jangkaan impak pendekatan sosio emosi kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Item instrumen pada bahagian D adalah diadaptasi daripada teori [Goleman \(1999\)](#). Skala pengukuran yang digunakan untuk mentadbir soal selidik untuk bahagian B, bahagian C dan bahagian D adalah menggunakan skala Likert yang diberi mata dari 1 hingga 5. Pemberian skor mata adalah seperti dalam [Jadual 1](#) dibawah:

Jadual 1: Mata skor

Bahagian B dan Bahagian D	Bahagian C
1=Sangat Tidak Setuju	1= Tidak pernah
2=Tidak Setuju	2= Jarang-Jarang
3=Setuju	3= Kadang-Kadang
4=Sangat Setuju	4= Kerap
5=Amat Setuju	5= Sangat Kerap

Kajian ini menggunakan analisis data dalam bentuk min dan sisihan piawai digunakan dalam bahagian B dan bahagian C untuk mengetahui tahap kefahaman guru berkenaan pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau dan tahap amalan pendekatan sosial emosi guru dalam PdP di sekolah daerah Julau. Tafsiran bacaan min yang digunakan adalah seperti mana dalam [Jadual 2](#) di bawah.

Jadual 2: Tafsiran Bacaan Min

Skor Min	Kriteria
1.0-2.5	Rendah
>2.5-<3.5	Sederhana
>3.5-5.0	Tinggi

Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini ialah kolerasi Pearson. Statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara dua pemboleh ubah iaitu mengenal pasti korelasi antara kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dengan jangkaan impak kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah Daerah Julau.

Nilai ' r ' ini mempunyai sela antara +1.00 dan -1.00. Pekali korelasi dalam kajian ini dilaporkan dalam dua titik perpuluhan. Contohnya $r = .45$ dan $r = .86$ di mana nilai sifar tidak perlu dilaporkan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan skala korelasi yang digunakan oleh [Jackson \(2006\)](#). Anggaran kekuatan hubungan antara pemboleh ubah ditunjukkan dalam skala seperti [Jadual 3](#) berikut;

Jadual 3: Interpretasi Anggaran Kekuatan Hubungan antara Pemboleh ubah

Skala Pekali Korelasi	Kekuatan Hubungan
+ .70 hingga 1.00 atau - .70 hingga -1.00	Kuat
+ .30 hingga .69 atau - .30 hingga - .69	Sederhana
+ .00 hingga .29 atau - .00 hingga - .29 Tiada hubungan (.00) hingga - .29	Lemah

3. Dapatan dan Perbincangan

3.1. Maklumat lengkap mengenai demografi responden

Dapatan menunjukkan jantina responden perempuan melebihi responden lelaki kajian iaitu 56%. Manakala kategori umur pula menunjukkan penglibatan guru muda yang berusia diantara 20 tahun hingga 35 tahun adalah yang paling tinggi iaitu 43%. Guru-guru yang menjawat jawatan guru akademik biasa menunjukkan peratusan yang tinggi iaitu 70%. Kategori kelayakan akademik, guru yang memiliki ijazah sarjana muda menunjukkan peratusan yang paling tinggi iaitu 80%. Dapatan demografi responden dalam [Jadual 4](#) di bawah.

Jadual 4: Demografi responden

Kategori		N (%)
Jantina	Lelaki	91 (44)
	Perempuan	114 (56)
Umur	20-30 tahun	61 (30)
	31-35 tahun	26 (13)
	36-40 tahun	25 (12)
	41-45 tahun	48 (23)
	46-50 tahun	19 (9)
	51-55 tahun	15 (7)
	56-60 tahun	11 (5)
	Jawatan	Guru Besar
	Guru Penolong Kanan	43 (21)
	Guru Akademik	144 (70)
Kelayakan akademik	SPM/MCE	7 (3)
	STPM	1 (1)
	Diploma/ Sijil Perguruan	18 (9)
	Ijazah Sarjana Muda	165 (80)
	Sarjana	14 (7)
	PHD	0 (0)

3.2. Tahap Kefahaman Pendekatan Sosial Emosi Guru Dalam PdP Untuk Membimbing Murid Galus Tahun 6

Bagi melihat tahap kefahaman guru berkenaan dengan pendekatan sosial emosi dalam dalam PdP untuk membimbing murid GALUS Tahun 6 di sekolah daerah Julau terdapat 17 (B1-B17) item yang dibina dalam soal selidik untuk bahagian B. [Jadual 5](#) dibawah memaparkan dapatan yang mengandungi skor min dan sisihan piawai untuk setiap item dan secara keseluruhan untuk bahagian B.

Jadual 5: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Kefahaman Guru

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
B1	Saya memahami definisi sosio emosi.	3.78	0.86
B2	Saya pernah mendengar istilah sosio emosi.	3.87	0.90
B3	Saya memahami bahawa sosio emosi adalah berkaitan dengan kesihatan mental.	3.96	0.82
B4	Saya memahami bahawa sosio emosi perlu dipupuk.	4.00	0.76
B5	Saya memahami bahawa sosio emosi berkembang sejak dari lahir.	3.96	0.83
B6	Saya memahami bahawa pembelajaran sosio emosi murid-murid penting diterapkan dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP).	4.06	0.77
B7	Saya memahami bahawa penerapan pendekatan sosio emosi dalam pengajaran dan pembelajaran antara aspek yang ditekankan dalam kurikulum sekolah rendah.	3.97	0.77
B8	Saya memahami bahawa pendekatan pembelajaran sosio emosi adalah untuk semua murid-murid tanpa mengira latar belakang.	4.05	0.78
B9	Saya memahami pendekatan pembelajaran sosio emosi dapat memberi keyakinan kepada murid-murid untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran.	4.05	0.78
B10	Saya memahami pendekatan pembelajaran sosio emosi dapat memupuk minat kepada murid-murid untuk turut serta dalam aktiviti pembelajaran.	4.04	0.78
B11	Saya memahami pendekatan sosio emosi dalam pembelajaran dapat memupuk tingkah laku murid yang positif dalam bilik darjah.	4.07	0.82
B12	Saya memahami pendekatan pembelajaran sosio emosi dalam pengajaran dan pembelajaran dapat meningkatkan prestasi akademik murid-murid.	4.00	0.80
B13	Saya memahami bahawa pendekatan pembelajaran sosio emosi dalam bilik darjah dapat memupuk sikap keterbukaan kepada murid-murid untuk berkongsi masalah bersama rakan-rakan dan guru.	4.05	0.81
B14	Saya menyedari bahawa pendekatan pembelajaran sosio emosi dalam bilik darjah dapat mengurangkan masalah ketidakhadiran murid-murid ke sekolah.	3.97	0.83
B15	Saya memahami bahawa kemahiran sosio emosi murid yang baik akan dapat membimbing murid-murid agar bersedia menghadapi cabaran dan masalah pada masa akan datang.	4.04	0.79
B16	Saya memahami bahawa tahap pendidikan ibu bapa mempengaruhi perkembangan sosio emosi murid.	3.94	0.86
B17	Saya memahami bahawa persekitaran dan sosio ekonomi keluarga mempengaruhi sosio emosi murid.	3.98	0.81

Jadual 5 menunjukkan min dan sisihan piawai untuk setiap item soal selidik dalam bahagian B iaitu tahap kefahaman guru berkenaan pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Setiap item menunjukkan bacaan min yang tinggi berdasarkan kepada **Jadual 2** tafsiran bacaan min dan setiap min item melebihi daripada skor min 3.5. Item yang mencatatkan min yang paling tinggi adalah item B11 iaitu “saya memahami pendekatan sosio emosi dalam pembelajaran dapat memupuk tingkah laku murid yang positif dalam bilik darjah” mencatatkan ($M=4.07$, $SP= 0.81$). Dapatan data menunjukkan, responden memahami bahawa pendekatan sosio emosi yang dilaksanakan dalam bilik darjah adalah satu bentuk pendekatan yang baik. Pendekatan sosio emosi dalam bilik darjah boleh membantu untuk membentuk dan mengukuhkan tingkah laku yang positif murid dalam bilik darjah.

Manakala, item yang mencatatkan min yang rendah di antara semua item, namun masih berada pada tahap skor min yang tinggi berdasarkan jadual tafsiran min adalah item B1 iaitu “saya memahami definisi sosio emosi” ($M=3.78$, $SP=0.86$). Dapatan data menunjukkan bahawa ada responden yang tidak dapat memahami definisi dan konsep sosio emosi. Keadaan ini adalah kerana responden yang kurang didedahkan dengan definisi dan konsep sosio emosi seperti yang dinyatakan oleh **Mohammad dan Mohamed (2020)** dalam kajiannya.

Jadual 6 menunjukkan skor min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik tahap kefahaman guru berkenaan pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Dapatan analisis menunjukkan min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik adalah pada tahap tinggi berdasarkan kepada **Jadual 2** tafsiran skor min iaitu ($M=3.99$, $SP=0.72$). Tafsiran skor min dan sisihan piawai ini membuktikan bahawa tahap kefahaman guru berkenaan dengan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP untuk membantu murid GALUS adalah pada tahap tinggi. Responden memahami bahawa pendekatan sosio emosi ini adalah satu pendekatan yang penting untuk dilaksanakan dalam bilik darjah bagi membantu murid-murid dari aspek tingkah laku serta meningkatkan pencapaian ke arah yang lebih cemerlang (**Luen, 2017**).

Jadual 6: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Item

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Kefahaman Guru Berkenaan Pendekatan Sosial Emosi Dalam Pdp untuk Membimbing Murid GALUS Tahun 6 di Sekolah Daerah Julau	3.99	0.72	Tinggi

3.3. Tahap Amalan Pendekatan Sosial Emosi Guru Dalam PdP Untuk Membimbing Murid Galus Tahun 6

Untuk melihat kepada tahap amalan pendekatan sosial emosi guru dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah julau. Penyelidik telah membina 15 (C1-C15) item soal selidik dalam bahagian C. Skor min dan sisihan piawai setiap item dan secara keseluruhan untuk bahagian C dipaparkan dalam **Jadual 7** dibawah.

Jadual 7: Skor Min dan Sisihan Piawai Tahap Amalan Pendekatan Sosial Emosi Guru dalam PdP

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
C1	Saya tidak menggunakan suara yang tinggi semasa menegur murid-murid.	3.24	0.84
C2	Saya tidak menggunakan hukuman untuk membimbing murid.	3.17	0.96
C3	Saya memuji murid-murid yang melakukan tingkah laku positif.	4.24	0.83
C4	Saya mengajak murid-murid untuk berbual dan berbincang dalam proses PdP.	4.13	0.82
C5	Saya menyediakan sokongan tingkah laku kepada murid-murid semasa PdP.	4.08	0.81
C6	Saya mengajar murid-murid tingkah laku yang baik semasa proses PdP.	4.21	0.83
C7	Saya membimbing murid-murid untuk menguruskan emosi dalam proses PdP.	4.07	0.79
C8	Saya memantau tingkah laku mencabar daripada murid-murid semasa proses PdP.	4.06	0.78
C9	Saya memberikan sokongan kemahiran sosial kepada murid-murid semasa proses PdP.	4.05	0.76
C10	Saya memberikan sokongan penglibatan aktif murid-murid dalam proses PdP.	4.08	0.78
C11	Saya memberikan sokongan aktiviti secara berkumpulan kepada murid-murid dalam proses PdP.	4.07	0.78
C12	Saya mendapatkan latar belakang murid bagi setiap kelas yang diajar.	3.93	0.83
C13	Saya merangka proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan kepada latar belakang murid.	3.79	0.88
C14	Saya berkomunikasi dan melibatkan keluarga dalam pentaksiran murid-murid.	3.67	0.89
C15	Saya menyediakan sokongan kepada keluarga.	3.60	0.86

Jadual 7 menunjukkan menunjukkan min dan sisihan piawai untuk setiap item soal selidik dalam bahagian C iaitu tahap amalan guru berkenaan pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Setiap item menunjukkan bacaan min yang tinggi dan sederhana berdasarkan kepada [Jadual 2](#) tafsiran bacaan min dan setiap min item melebihi daripada skor min 3.5. Item yang mencatatkan min yang paling tinggi adalah item C3 “saya memuji murid-murid yang melakukan tingkah laku positif” ($M=4.24$, $SP=0.83$). Dapatan menunjukkan, responden mengukuhkan tingkah laku positif murid dengan memberikan pujian yang baik agar dapat menjadi dorongan kepada murid-murid untuk sentiasa melakukan tingkah laku positif. Malah, tingkah laku positif yang mendapat pujian juga akan dapat dijadikan contoh dan teladan yang baik kepada murid-murid yang lain.

Manakala, terdapat dua item yang mencatatkan skor min sederhana iaitu item C1 “saya tidak menggunakan suara yang tinggi semasa menegur murid-murid” ($M=3.24$, $SP=0.84$) dan item C2 “saya tidak menggunakan hukuman untuk membimbing murid” ($M=3.17$, $SP=0.96$). Dapatan menunjukkan guru kurang bersetuju untuk tidak menggunakan nada suara yang tinggi untuk menegur dan hukuman untuk membimbing murid. Dalam usaha untuk memperbetulkan tingkah laku negatif murid-

murid, guru-guru memerlukan nada suara yang tegas atau tinggi. Ini adalah kerana penggunaan nada suara yang tegas akan memberi kesedaran kepada murid-murid bahawa tindakan yang dilakukan adalah tidak baik dan perlu diperbetulkan. Penggunaan hukuman juga adalah perlu agar murid-murid lain memahami bahawa tindakan negatif akan mendapat hukuman dan tidak boleh dilakukan. Sekiranya, tindakan negatif tersebut tidak dibendung maka ini akan menyebabkan proses pembelajaran akan terganggu (Halim et al., 2020).

Jadual 8 menunjukkan skor min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik tahap amalan guru berkenaan pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Dapatan analisis menunjukkan min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik adalah pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada Jadual 2 tafsiran skor min iaitu ($M=3.89$, $SP=0.65$). Tafsiran skor min dan sisihan piawai ini membuktikan bahawa tahap amalan guru berkenaan dengan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP untuk membantu murid GALUS adalah pada tahap yang sangat baik. Guru-guru menggunakan amalan pendekatan sosio emosi dalam PdP bagi membentuk tingkah laku murid agar dapat meningkatkan pencapaian dalam akademik. Amalan pendekatan sosio emosi dalam PdP juga akan membantu melancarkan proses PdP tanpa sebarang gangguan.

Jadual 8: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Item Tahap Amalan Guru Berkenaan Pendekatan Sosial Emosi dalam PdP

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Amalan Guru Berkenaan Pendekatan Sosial Emosi Dalam PdP untuk Membimbing Murid GALUS Tahun 6 di Sekolah Daerah Julau	3.89	0.65	Tinggi

3.4. Jangkaan Impak Pendekatan Sosial Emosi Guru Dalam PdP terhadap Murid Galus Tahun 6

Untuk melihat kepada jangkaan impak pendekatan sosial emosi guru dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah julau. Penyelidik telah membina 18 (C1-C18) item soal selidik dalam bahagian D. Skor min dan sisihan piawai setiap item dan secara keseluruhan untuk bahagian C dipaparkan dalam Jadual 9 dibawah.

Jadual 9: Skor Min dan Sisihan Piawai Jangkaan Impak Pendekatan Sosial Emosi dalam PdP

No Item	Item	Min	Sisihan Piawai
D1	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat memupuk kesedaran emosi murid-murid dalam mengawal emosi serta membuat keputusan tepat.	4.01	0.75
D2	Pendekatan sosio emosi melalui PdP akan membolehkan murid-murid untuk menilai kekuatan dan kelemahan diri sendiri sama ada dalam bidang akademik, kokurikulum dan sosial.	4.00	0.75

D3	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat memupuk sikap keterbukaan murid apabila menerima maklum balas daripada rakan-rakan dan orang di sekeliling.	4.02	0.77
D4	Pendekatan sosio emosi dalam PdP dapat memberi keyakinan dan keberanian kepada murid-murid untuk berada dalam persekitaran sosial dan melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran	4.04	0.76
D5	Pendekatan sosio emosi melalui PdP meningkatkan keupayaan murid-murid untuk mengawal dan menguruskan emosi diri dengan baik.	4.03	0.74
D6	Pendekatan sosio emosi melalui PdP memupuk murid-murid agar sentiasa berhati-hati dan mengelakkan sikap mudah puas hati dalam mengejar sesuatu matlamat.	3.99	0.75
D7	Pendekatan sosio emosi dalam PdP membantu murid-murid memulihkan kesedihan emosi dengan berkesan.	4.00	0.79
D8	Pendekatan sosio emosi dalam bilik darjah mampu untuk meningkatkan motivasi murid-murid untuk mencapai matlamat dalam bidang akademik.	4.09	0.78
D9	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kebolehan murid-murid untuk memperbaiki kelemahan diri.	4.06	0.78
D10	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat memupuk nilai kesabaran dalam diri murid-murid menghadapi masalah.	4.09	0.79
D11	Pendekatan sosio emosi melalui PdP mampu untuk meningkatkan keupayaan murid-murid untuk mengenali dan memahami emosi orang lain serta boleh memberikan pertimbangan yang sewajarnya terhadap mereka.	4.03	0.76
D12	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kemampuan murid-murid untuk mengenal pasti keperluan dan kehendak orang lain dari perspektif mereka.	4.04	0.77
D13	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kebolehan murid-murid untuk membuat keputusan yang baik tanpa memberi kesan negatif terhadap perhubungan dengan orang lain.	4.03	0.78
D14	Pendekatan sosio emosi melalui PdP memupuk kemahiran sosial dan kemahiran mengurus emosi murid-murid serta berinteraksi mesra dengan orang lain.	4.07	0.77
D15	Pendekatan sosio emosi melalui PdP memupuk semangat bekerjasama dan berpasukan dalam aktiviti yang dilaksanakan di bilik darjah.	4.03	0.76
D16	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kemampuan murid-murid untuk menerima dan menghormati pendapat orang lain.	4.06	0.75
D17	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat membantu murid-murid menyelesaikan masalah secara demokratik.	4.04	0.75
D18	Pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat membantu murid-murid memupuk kemahiran memujuk serta mempengaruhi orang di sekeliling.	4.04	0.75

Jadual 9 menunjukkan menunjukkan min dan sisihan piawai untuk setiap item soal selidik dalam bahagian D iaitu jangkakan impak pendekatan sosial emosi dalam PdP untuk membimbing murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Setiap item menunjukkan bacaan min tinggi dan sederhana berdasarkan kepada [Jadual 2](#) tafsiran bacaan min dan setiap min item melebihi daripada skor min 3.5. Item yang mencatatkan min yang paling tinggi adalah item D10 “pendekatan sosio emosi melalui

PdP dapat memupuk nilai kesabaran dalam diri murid-murid menghadapi masalah” ($M=4.09$, $SP= 0.79$). Dapatan menunjukkan, responden yakin bahawa pendekatan sosio emosi dalam PdP akan dapat membantu murid untuk mengawal emosi dan sentiasa sabar untuk menghadapi masalah. Sifat sabar dalam diri murid akan membolehkan mereka untuk menyelesaikan setiap masalah yang dihadapi dengan jalan penyelesaian yang terbaik.

Manakala, terdapat dua item yang mencatatkan skor min sederhana iaitu item D9 “pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kebolehan murid-murid untuk memperbaiki kelemahan diri.” ($M=4.06$, $SP=0.78$) dan item D16 “pendekatan sosio emosi melalui PdP dapat meningkatkan kemampuan murid-murid untuk menerima dan menghormati pendapat orang lain.” ($M=4.06$, $SP=0.75$). Dapatan menunjukkan guru bersetuju bahawa pendekatan sosio emosi dalam PdP akan membantu murid untuk mengenal pasti kelemahan dalam diri serta memperbaiki kelemahan tersebut daripada pelbagai sudut. Kebolehan mengenal pasti kelemahan diri akan membantu murid-murid untuk sentiasa belajar untuk memperbaiki kesilapan dan mendorong kepada sikap sentiasa ingin berjaya dalam semua perkara. Pendekatan sosio emosi juga akan dapat membimbing murid-murid untuk menghormati setiap pandangan rakan-rakan dan belajar cara menerima dan menolak pandangan tanpa menguris perasaan rakan yang lain. Pendekatan ini juga akan mampu mengasah bakat murid-murid untuk menyuarakan pendapat dengan baik serta keyakinan lantang untuk bersuara.

Item yang mencatat skor min yang rendah dalam bahagian D adalah item D6 “pendekatan sosio emosi melalui PdP memupuk murid-murid agar sentiasa berhati-hati dan mengelakkan sikap mudah puas hati dalam mengejar sesuatu matlamat.” ($M=3,99$, $SP=0.75$). Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan sosio emosi dalam PdP dapat membantu murid-murid untuk mengelakkan sikap mudah untuk berpuas hati dengan apa yang mereka hasilkan. Namun demikian, sikap ini memerlukan guru-guru mencari kaedah yang terbaik agar murid-murid mempunyai keinginan yang tinggi untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik serta meningkatkan semangat agar berjaya dalam perkara yang dilakukan. Guru-guru boleh menggunakan kaedah pembentangan, sesi perbincangan serta memberikan pandangan terhadap hasil pembelajaran diri sendiri serta rakan-rakan yang lain. Maka, keinginan untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik akan meningkat serta dapat menghasilkan sesuatu dengan lebih berkualiti dan cemerlang.

Jadual 10 menunjukkan skor min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik jangkaan impak pendekatan sosial emosi dalam PdP kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau.

Jadual 10: Skor Min dan Sisihan Piawai Keseluruhan Item Soal Selidik Jangkaan Impak Pendekatan Sosial Emosi dalam PdP

	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Jangkaan Impak Pendekatan Sosial Emosi dalam PdP kepada Murid GALUS Tahun 6 di Sekolah Daerah Julau.	4.03	0.72	Tinggi

Dapatan analisis menunjukkan min dan sisihan piawai keseluruhan item soal selidik adalah pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada **Jadual 2** tafsiran skor min iaitu ($M=4.03$, $SP=0.72$). Tafsiran skor min dan sisihan piawai ini membuktikan bahawa

pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dapat membantu murid GALUS untuk meningkatkan pengurusan sosio emosi serta tingkah laku yang baik. Pengurusan sosio emosi serta tingkah laku yang positif akan memdorong kepada kejayaan dalam bidang akademik serta mampu mengubah sosio ekonomi keluarga pada masa akan datang.

3.5. Korelasi Antara Kefahaman dan Amalan Pendekatan Sosio Emosi Guru Dalam PdP Dengan Jangkaan Impak Kepada Murid Galus Tahun 6

Ujian Korelasi Pearson r digunakan untuk menganalisa data pada bahagian D iaitu mengenal pasti korelasi antara kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP dengan jangkaan impak kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Terdapat 18 (D1-D18) item soal selidik yang dibina dalam bahagian D. Hasil ujian korelasi Pearson seperti dalam [Jadual 11](#) telah menjawab hipotesis kajian.

Jadual 11: Ujian Korelasi antara Kefahaman dan Amalan Pendekatan Sosio Emosi Guru dalam PdP dengan Jangkaan Impak kepada Murid Galus Tahun 6

		Kefahaman	Amalan	Jangkaan Impak
Kefahaman	Pearson Correlation	1	1.000**	.850**
	Sig. (2-tailed)		.000	.000
Amalan	Pearson Correlation	1.000**	1	.850**
	Sig. (2-tailed)	.000		.000
Jangkaan Impak	Pearson Correlation	.850**	.850**	1
	Sig. (2-tailed)	.000	.000	

***. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)*

Hasil ujian hipotesis ini telah membuktikan terdapat hubungan yang positif signifikan antara pemboleh ubah kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi dalam PdP bagi membantu murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau dengan jangkaan impak kepada murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Analisis pearson r menunjukkan korelasi yang tinggi antara kefahaman ($r=0.85$, $p=0.00$) dan amalan pendekatan sosio emosi guru dalam PdP bagi membantu murid GALUS ($r=0.85$, $p=0.00$) dengan jangkaan impak terhadap murid GALUS tahun 6 di sekolah daerah Julau. Oleh itu, penyelidik berjaya menerima hipotesis kajian ini. Sememangnya, tahap kefahaman dan amalan pendekatan sosio emosi guru yang tinggi amat diperlukan dalam memberikan bimbingan kepada murid-murid yang mempunyai masalah dalam bidang akademik. Pendekatan sosio emosi dalam PdP akan membantu murid-murid ini untuk menguruskan emosi dan tingkah laku yang positif dan akan dapat menarik tumpuan murid-murid untuk menyertai setiap aktiviti pembelajaran.

4. Kesimpulan

Kesimpulannya, pendekatan sosio emosi dalam PdP adalah amat penting bagi membantu meningkatkan prestasi murid dalam bidang akademik. Pendekatan sosio emosi akan membantu murid untuk menguruskan emosi serta memupuk tingkah laku positif. Keadaan ini akan menyediakan murid untuk menghadapi cabaran kehidupan pada masa akan datang. Maka, wajarlah pendekatan sosio emosi ini dilaksanakan sejak awal usia lagi. Peranan guru sebagai pembimbing dan pengurus dalam bilik darjah adalah amat penting bagi memastikan semua murid tidak terabai sama ada dalam

pembelajaran mahupun sosio emosi. Pembentukan modal insan yang cemerlang memerlukan pendekatan sosio emosi sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Peranan guru-guru bukan sahaja untuk menyampaikan kandungan pembelajaran semata-mata tetapi perlu mengambil kira emosi murid-murid agar pembelajaran dapat memberikan impak. Selain itu, peranan guru untuk memberikan bimbingan, dorongan serta panduan kepada ibu bapa agar terlibat secara langsung untuk memastikan pembelajaran anak-anak sentiasa dipantau. Disimpulkan bahawa, penyelidikan ini dapat memberikan gambaran berkenaan dengan tahap pelaksanaan dan amalan pendekatan sosio emosi untuk membantu murid GALUS di sekolah rendah di daerah Julau adalah pada tahap yang tinggi. Jangkaan impak kepada murid GALUS juga turut menunjukkan keputusan yang signifikan positif. Diharapkan agar pelaksanaan dan amalan ini dapat dikekalkan serta dilaksanakan dalam proses PdP untuk membantu meningkatkan prestasi murid dari semasa ke semasa.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), pensyarah penyelia dan guru-guru di daerah Julau atas sokongan menjayakan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini adalah sebahagian daripada kajian dibawah geran Kementerian Pendidikan Tinggi MRUN-2019-001

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjayakan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abd Majid, R., Ali, M. M., Salleh, N. M., Alias, A., Kanapathy, R., & Hashim, K. S. (2018). The dynamic holistic development of human potentials and wellbeing: Implication on educational policies. *Journal of ICSAR*, 2(1), 88-93. <http://dx.doi.org/10.17977/um005v2i12018p088>
- Allbright, T., & Hough, H. (2020). Measures of SEL and School Climate in California. *State Education Standard*, 20(2), 28. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1257764>
- Banu, E. A., & Amir, R. (2020). Gaya Asuhan Paling Dominan Di Kalangan Murid Bidayuh Padawan Berpencapaian Akademik Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 137-147. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/8919>
- Buja, A., Paganini, M., Cocchio, S., Scioni, M., Rebba, V. & Baldo V. (2020) Demographic and socio-economic factors, and healthcare resource indicators associated with the rapid spread of COVID-19 in Northern Italy: An ecological study. *PLoS ONE*, 15(12): e0244535. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0244535>
- Che Azizan, S. N., & Mohamad Nasri, N. (2020). Pandangan Guru Terhadap Pembelajaran dalam Talian melalui pendekatan Home Based Learning (HBL)

- semasa tempoh Pandemik COVID-19. *PENDETA*, 11, 46-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.4.2020>
- Goleman. D. (1999). *Working with emotional intelligence*. New York: Bantam Books.
- Goldberg, J. M., Sklad, M., Elfrink, T. R., Schreurs, K. M., Bohlmeijer, E. T., & Clarke, A. M. (2019). Effectiveness of interventions adopting a whole school approach to enhancing social and emotional development: a meta-analysis. *European Journal of Psychology of Education*, 34(4), 755-782. <https://link.springer.com/article/10.1007/s10212-018-0406-9>
- Housman, D. K., Denham, S. A., & Cabral, H. (2018). Building Young Children's Emotional Competence and Self-Regulation from Birth: The "Begin to... ECSEL" Approach. *International Journal of Emotional Education*, 10(2), 5-25. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1197894>
- Halim, H., Idang, J., Ee, G. T., Halik, M., & Sharif, S. (2020). Tinjauan Perspektif Guru terhadap Kepentingan Pembelajaran Sosio-Emosi dalam Meningkatkan Kompetensi Sosio-Emosi Pelajar Sekolah Rendah di Sabah: A Review of Teachers' Perspectives on the Importance of Socio-Emotional Learning in Enhancing the Socio-Emotional Competency of Primary School Students in Sabah. *Journal Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 18(1), 1-11. <https://core.ac.uk/download/pdf/322377164.pdf>
- Hasbullah, S. S., Bakar, K. A., & Othman, N. (2020). Pembelajaran Awal Sains dan Kompetensi Sosioemosi Kanak-kanak Prasekolah: Satu Kajian Literatur Sistematis (Early Science Learning and Preschool Children's Social and Emotional Competencies). *Akademika*, 90(S3). <http://journalarticle.ukm.my/17321/1/42147-140523-1-PB.pdf>
- Ibrahim, S. N. L., Yusoff, Y. M., & Hassan, Z. (2021). Covid-19: Sikap, Motivasi dan Halangan Dalam Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Talian (PdPDT) Pelajar Kolej Komuniti Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(4), 77-91. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/16673>
- Jackson, S. L. (2006). *Research Methods and Statistics: A Critical Thinking Approach*. United States: Thomson Wadsworth.
- Luen, L. C. (2017). Boneka sebagai alat pedagogi dalam perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 6(1), 45-56. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol6.1.4.2017>
- Mohamad Amin, L. H., Hafiz, M. R. A., Kamarulzalis, M. N. A., Ibrahim, A. H., Taib, N. M., Ramlan, N. H., & Husin, M. R. (2019). Masalah Kecelaruan Tingkah Laku: Ponteng Sekolah. *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, 2(1), 51-64. <https://doi.org/10.36079/lamintang.ij-humass-0201.22>
- Maleki, M., Chehrzad, M. M., Reza Masouleh, S. H., Kazemnezhad Leyli, E. (2018). Social skills in preschool children from their parents' points of view. *J Holist Nurs Midwifery*, 28(4), 218-223. <http://dx.doi.org/10.29252/hnmj.28.4.218>
- Mensih, M., Ibrahim, F., & Hassan, N. (2021). Hubungan antara motivasi pencapaian, kecerdasan emosi dan ketahanan diri dalam kalangan mahasiswa kerja sosial. *e-BANGI*, 18(1), 37-48. <http://journalarticle.ukm.my/16559/1/45809-147631-1-SM.pdf>
- Mohammad, N. A., & Mohamed, S. (2020). Analisis keperluan pembangunan modul pembelajaran dalam membentuk kecerdasan sosioemosi kanak-kanak. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(3), 70-82. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap/article/view/10806>

- Mohamed, S. (2021). Pembelajaran Sosioemosi Di Prasekolah: Tahap Pengetahuan dan Amalan Guru. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(2), 401-408. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/14125>
- Nordin, N. N. N., & Selamat, M. N. (2018). Tingkah Laku Delinkuen Pelajar dan Faktor-Faktor yang Mempengaruhinya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1). <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/62>
- O'Reilly, M., Svirydzenka, N., Adams, S., & Dogra, N. (2018). Review of mental health promotion interventions in schools. *Social psychiatry and psychiatric epidemiology*, 53(7), 647-662. <https://link.springer.com/article/10.1007/s00127-018-1530-1>
- Sari, S. Y. (2017). Tinjauan perkembangan psikologi manusia pada usia kanak-kanak dan remaja. *Primary Education Journal (PEJ)*, 1(1), 46-50. <http://pej.ftk.uinjambi.ac.id/index.php/PEJ/article/view/3>
- Termize, M. F., Mohd, R., & Zamri, A. (2021). Tahap Sokongan Ibu Bapa Dalam Membantu Pembelajaran Murid B40 Di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 707-717. <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd/article/view/12965>
- Turner, A. J., Sutton, M., Harrison, M., Hennessey, A., & Humphrey, N. (2020). Cost-effectiveness of a school-based social and emotional learning intervention: evidence from a cluster-randomised controlled trial of the promoting alternative thinking strategies curriculum. *Applied health economics and health policy*, 18(2), 271-285. <https://link.springer.com/article/10.1007/s40258-019-00498-z>
- Zakari, N. A., Majid, M. Z. A., & Hussin, M. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), e001288. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>